

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA TIAP2 BULAN

TAHUN 10 BILANGAN 8 HARI RABU 21 APRIL, 1965. رابو 19 ذوالحججه 1384 PERCHUMA

HASRAT D.Y.M.M. YANG UTAMA

SUSUNAN POLITIK YANG BAHARU AKAN MENDAPAT SOKONGAN PENOH DARI RA'AYAT BAGINDA

BANDAR BRUNEI. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan telah bertitah ada-lah menjadi suatu hasrat Baginda yang utama bahawa susunan politik yang baharu ini akan mendapat sokongan yang penoh dari ra'ayat Baginda sakalian dalam melaksanakan ranchangan2 kemajuan yang akan memberi kebajikan kapada semua penduduk yang berada di-Negeri Brunei.

Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia sabagaimana tersebut telah di-sampaikan oleh Timbalan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha dari Singgahsana di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada pagi hari Rabu 14 April, 1965 ketika merasmikan pembukaan Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei.

Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan yang telah di-sampaikan oleh Timbalan Sultan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha di-majlis tersebut ada-lah di-siarkan dengan sa-penohnya seperti berikut:

"Yang Berhormat Dato Yang Dipertua Dewan dan Ahli2 Yang Berhormat sekalian.

Pada masa beta menyampaikan ucapan beta kapada Majlis

Mashuarat Negeri dalam bulan Ogos tahun yang sudah beta telah menyebutkan shor2 yang telah di-bentangkan oleh Kerajaan beta di-hadapan Majlis itu yang menyatakan ranchangan mengenai Perlembagaan bagi Negeri Brunei.

Beta amat bersukachita-nya ia-it shor2 Kerajaan beta itu telah pun di-luluskan oleh Majlis tersebut dan semenjak dari itu peringkat2 pertama ranchangan

ini telah dengan jaya-nya dilaksanakan.

Beta yakin bahawa Ahli2 Yang Berhormat akan bersetuju dengan pendapat beta ia-itu chara-nya

kedua2 pilehanraya kapada Majlis Mashuarat Daerah dan Majlis Mashuarat Negeri ini telah di-jalankan ada-lah memberi kepujian besar kapada semua yang berkenaan.

(Lihat Muka 5)

Pembukaan Rasmi Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Timbalan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha telah merasmikan Pembukaan Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada pagi hari Rabu 14 April, 1965 dengan menyampaikan Titah Uchapan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dari Singgahsana di-Dewan Kemasharakatan tersebut.

Dato Speaker Majlis Mashuarat Negeri Brunei, Yang Berhormat Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar telah memimpin Majlis Mashuarat tersebut.

Majlis tersebut di-mulai dengan bacaan Do'a Selamat. Kemudian 11 orang ahli2 baharu Majlis Mashuarat Negeri Brunei telah mengangkat sumpah.

Majlis itu telah mengesahkan Minit Mashuarat Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei yang telah di-adakan pada 29, 30 dan 31 Disember, 1964.

Majlis Mashuarat Negeri Brunei, dalam persidangan pada hari tersebut telah meluluskan dua Usul oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

(Lihat Muka 8)



Gambar yang bersejarah ini di-ambil di-hadapan Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei pada pagi hari Rabu 14 April, 1965 sa-lepas Timbalan Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha (Duduk di-tengah dalam gambar ini) merasmikan Pembukaan Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei.

UTAMAKAN-LAH BAHASA MELAYU - BAHASA KEBANGSAAN NEGERI BRUNEI

MAJLIS MASHUARAT NEGERI MELULUSKAN SHUR2 BAGI PERKEMBANGAN PERLEMBAGAAN

BANDAR BRUNEI. — Di-dalam Mashuarat Pertama dari Musim Permashuaratan Kelima bagi Majlis Meshuarat Negeri yang telah di-adakan pada 26 Ogos, 1964 Majlis Mashuarat Negeri Brunei telah meluluskan shur2 bagi perkembangan perlembagaan.

Peringkat pertama dari shur2 ini telah di-tamatkan dengan jayanya, ia-itu kedua2 pilehan raya kapada Majlis Mashuarat Daerah dan Majlis Mashuarat Negeri telah di-adakan. Dari itu peringkat yang akan di-jalankan selepas ini ia-lah memulakan Sistem Kementerian di-dalam mana Ahli2 Yang Di-pilih akan bersama2 mengambil peranan.

Maka dengan tujuan ini-lah yang Perlembagaan telah baharu2 ini di-pinda supaya Majlis Mashuarat Kerajaan yang dahulu akan di-gantikan dengan Majlis Mashuarat Menteri2.

Dari itu berikutan dengan Perlembagaan maka Majlis Mashuarat Menteri2 akan mengandungi enam orang Ahli2 Rasmi Kerana Jawatan (ex-officio) dan empat orang ahli2 yang lain yang kesemua-nya dari Ahli2 Majlis Mashuarat Negeri.

Sa-telah Majlis Mashuarat Menteri2 ini di-tubuhkan maka tindakan akan di-perbuat untuk membahagi2kan tanggungjawab2 yang tertentu kapada tiap2 ahli.

Dalam sa-tengah2 perkara, mithalan-nya Peguam Negara, Pegawai Kewangan Negara dan Penasihat Ugama, tanggungjawab2 mereka ini kebanyakannya telah di-tetapkan oleh undang2 yang di-adakan, tetapi Menteri Besar pada masa ini adalah bertanggung-jawab kapada Sultan bagi menjalankan semua Kuasa Memerintah dalam Negeri, Sistem Kementerian yang baharu ini akan meletakkan tanggung-

jawab2 setengah pejabat2 yang tertentu ka-atas Menteri yang barang sudah tentu-lah akan bertanggung-jawab mendapat kelulusan yang perlu dari Majlis Mashuarat Menteri2 untuk chadangan2 dasar-nya.

Untuk menjalankan tugas2-nya sa-orang Menteri hendak-lah mempunyai satu penyusunan. Jawatan Yang Mustahak di-pejabat sa-orang Menteri ia-lah

Setiausaha Tetap, suatu jawatan pentadbiran dari perkhidmatan awam.

Di-bawah penyusunan ini soalan kanan pangkat di-antara Setiausaha Tetap itu dan Ketua2 Pejabat di-dalam "portfolio" Menteri itu tidak-lah akan timbul.

Setiausaha Tetap barang sudah tentu-lah akan menasehatkan Menteri2 di-dalam segala perkara yang datang kapada Kementerian-nya tetapi keputusan akan di-pebuat oleh Menteri itu sendiri dan Setiausaha Tetap akan menjadi sebagai saluran perhubungan sahaja.

Pembukaan Rasmi Majlis Mashuarat Daerah Tutong

TUTONG. — Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah merasmikan pembukaan Majlis Mashuarat Daerah Tutong yang telah di-langsungkan dalam satu upacara di-Asrama Sekolah2 Melayu Tutong pada pagi 19 April, 1965.

Sa-belum merasmikan pembukaan majlis tersebut, beliau telah menerima tabek kehormatan dari Pasokan Pulis Brunei dan sa-lepas itu Ahli2 Majlis mashuarat tersebut di-perkenalkan kapada beliau.

Dalam ucapan beliau di-upacara itu, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusuf menasehatkan kapada ahli2 Majlis Mashuarat tersebut supaya mereka menggunakan kuasa2 yang ada pada mereka dengan berpandukan kapada undang2 dan landasan2 Perlembagaan Negeri.

Beliau menjelaskan bahawa perubahan di-negeri ini ada-lah bergantung kapada kemajuan politik dan ahli2 politik harus

memikirkan dan menyesuaikan diri dengan keadaan negeri menerusi aliran politik yang waras.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusuf menegaskan lagi bahawa perubahan dan kesedaran politik yang sehat untuk masa depan bagi Negeri Brunei ada-lah bergantung kapada satu faktor yang sangat penting ia-itu kekal-nya keamanan.

Ucapan alu2an yang mengandungi nasehat yang berguna kapada ahli2 majlis mashuarat itu telah di-sampaikan oleh Pengerusi Majlis Mashuarat Daerah Tutong, Awang Johari bin Abdul Razak.

Wakil2 "BAKTI" Akan Menghadhiri Kursus

Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei

KAMPONG PEKAN LAMA — Persatuan Badan Kesatuan Tunas Ibunda (BAKTI) Kampung Pekan Lama, Brunei telah melantik seramai 7 orang Pegawai2 persatuan itu dalam Mashuarat Jawatan Kuasa Tadbir-nya baharu2 ini untuk menghadhiri Kursus Pemimpin2 Belia Sa-Negeri Brunei yang akan di-adakan di-Maktab Anthony Abell, Seria dalam bulan Mei akan datang.

Wakil2 BAKTI yang akan menghadhiri kursus tersebut adalah seperti berikut:

Awangku Shamsu bin Pengiran Haji Kadar (Yang Dipertua), Pengiran Jamaluddin bin Pengiran Omar (Naib Yang Dipertua I), Awang Md. Salleh bin Abdul Latif (Naib Setia Usaha Agong II), Awangku Mahmud bin Pengiran Damit (Setia Usaha Pelajaran dan Persuratan), Awang Metussin bin Haji Seruddin (Setia Usaha Sosial), Awang Mohammad bin Abdul Hamid (Naib Setia Usaha Sosial) dan Awangku Hassan bin Pengiran Yussof (Setia Usaha Penerangan).

Setia Usaha Agong BAKTI Awangku Badaruddin bin Pengiran Haji Damit akan juga ikut serta Dalam kursus tersebut. Ia akan bertugas sa-bagai sa-orang daripada Jawatan Kuasa Kursus itu. — Berita kiriman Setia Usaha Agong BAKTI.

Wakil2 Sharikat2 Perniagaan Sokong Bahasa Melayu Sa-bagai Bahasa Rasmi Negeri Ini

BANDAR BRUNEI. — Beberapa orang wakil2 sharikat2 perniagaan tempatan, dalam satu perjumpaan yang telah di-adakan dengan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei Yang Berhormat Awang Haji Jamil pada petang 8 April, 1965 telah menyokong dasar Kerajaan menggunakan Bahasa Melayu sabagai Bahasa Rasmi negeri ini.

Wakil2 itu juga telah berikrar hendak bekerjasama dengan Kerajaan bagi melaksanakan rancangan tersebut.

Dalam perjumpaan itu, Yang Berhormat Awang Haji Jamil berkata bahawa menurut Undang2 Perlembagaan Negeri Brunei Tahun 1959, Bahasa Melayu ada-lah menjadi Bahasa Rasmi negeri ini dan Kerajaan negeri ini akan menggunakan Bahasa Melayu di-segala lapangan Kerajaan.

Yang Berhormat Awang Haji Jamil berharap agar-nya sharikat2 perniagaan tempatan akan be-

kerjasama dengan Kerajaan dengan menggunakan Bahasa Melayu di-segala lapangan perniagaan mereka.

Bertambah2 pula, kata beliau, Kerajaan me m a k a i Bahasa Melayu sabagai Bahasa Rasmi negeri ini, ada-lah tergantung antara-nya atas kerjasama sharikat2 perniagaan tempatan.

Pada keseluruhan-nya semua wakil2 yang hadir di-majlis tersebut telah memberikan sokongan penuh terhadap rancangan Kerajaan menjadikan Bahasa Melayu sabagai Bahasa Rasmi negeri ini.

Waktu2 Sembahyang, Amsak Dan Mata - Hari Terbit

Waktu2 sembahyang, amsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 21 April hingga ka-hari Juma'at 30 April, 1965 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari Bulan	Amsak	Suboh	Matahari Terbit	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
21	4.43	4.57	6.11	12.25	3.40	6.31	7.43
22	4.43	4.57	6.11	12.25	3.40	6.31	7.43
23	4.42	4.56	6.10	12.25	3.40	6.31	7.43
24	4.42	4.56	6.10	12.25	3.40	6.31	7.43
25	4.42	4.56	6.10	12.25	3.40	6.31	7.43
26	4.41	4.55	6.09	12.24	3.39	6.31	7.43
27	4.41	4.55	6.09	12.24	3.39	6.31	7.43
28	4.41	4.55	6.09	12.24	3.39	6.31	7.43
29	4.41	4.55	6.09	12.24	3.39	6.31	7.43
30	4.40	4.54	6.08	12.24	3.39	6.31	7.43

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

PERHUBONGAN ANTARA PEKERJA2 DENGAN MAJIKAN2 DI-BRUNEI AMAT-LAH BAIK

- Kata Pengiran Bahar

BANDAR BRUNEI. — Pesuruh Jaya Buroh Negeri Brunei, Yang Mulia Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim selaku Pendaftar Kesatuan2 Sekerja Negeri Brunei telah merasmikan pembukaan Mashuarat Agong Pertama Kesatuan Pekerja2 Jabatan Perubatan dan Kesihatan Kerajaan Brunei baharu2 ini.

Dalam ucapan beliau di-majlis tersebut Yang Mulia Pengiran Bahar berkata bahawa sebagaimana para hadirin di-majlis tersebut sedia ma'alum, Kesatuan Pekerja2 Jabatan Perubatan dan Kesihatan Kerajaan Brunei mula di-daftarkan dalam tahun 1963 dengan tujuan untuk menjaga kepentingan pekerja2 Jabatan Perubatan dan Kesihatan dan "setakat ini segala2-nya sedang berjalan dengan baik dan lincih".

NASEHAT

Yang Mulia Pengiran Bahar telah memberi nasehat kepada Ahli2 Jawatan Kuasa kesatuan tersebut khas-nya dan kepada semua ahli2 kesatuan itu am-nya bahawa hendak-lah mereka berjaga2 dari meresap-nya anasir2 jahat yang bertujuan untuk me-lagakan antara pekerja2 dengan majikan2 ka-dalam Kesatuan2 Sekerja di-Negeri Brunei.

"Pada masa ini perhubungan antara pekerja2 dengan majikan2 di-Brunei ini amat-lah baik dan Awang2 dan Dayang2 sa-bagai ahli2 Kesatuan Sekerja yang bertanggung jawab patut-lah memelihara dan menjaga perhubungan baik itu", kata Yang Mulia Pengiran Bahar.

Seterus-nya beliau berkata, "Ahli2 Kesatuan ini ada-lah terdiri dari Pegawai2 dan kaki-

tangan Kerajaan dan Awang2 dan Dayang2 ada-lah terikat oleh Peratoran2 Kerajaan dalam kerja2 Awang2 dan Dayang2 sehari2.

Ini tidak-lah pula berma'ana bahawa Awang2 dan Dayang2 tidak dapat menghadapi sesuatu perkara untuk pertimbangan Kerajaan, tetapi apakala hal itu telah di-kenukakan, maka Awang2 dan Dayang2 hendak-lah bersabar untuk menerima keputusan Kerajaan dan sa-kiranya keputusan yang di-beri itu kurang memuaskan, jangan-lah pula Awang2 dan Dayang2 tergesa2 mengambil sesuatu tindakan yang tidak bertanggung jawab, seperti mengadakan mogok dan kerja mengikut peratoran atau dalam Bahasa Inggeris di-panggil "Work to Rule" seperti yang diperbuat oleh pekerja2 di-negeri2 lain.

Apa yang sepatut-nya di-lakukan ia-lah supaya sesuatu perkara yang tidak memuaskan itu hendak-lah dengan persetujuan kedua2 belah pihak itu di-hadapkan kepada orang tengah untuk menchari nasehat dan keputusan, kerana tindakan yang tidak bertanggung jawab itu bukan hanya akan menyusahkan pihak majikan sahaja, bahkan juga kepada pekerja2 itu sendiri.

Oleh itu, saya sekali lagi me-

nyeru kepada Ahli2 Jawatan Kuasa dan ahli2 Kesatuan Pekerja2 Jabatan Perubatan dan Kesihatan Kerajaan Brunei supaya berhati2 dari di-pengarohi oleh anasir2 jahat dan supaya menggunakan Kesatuan ini sa-bagai alat untuk menjaga ke-baik dan kepentingan mereka bersama dan bukan-nya untuk mengugot dan membuat ke-chaman terhadap Kerajaan.

KERJASAMA

Dengan ada-nya perhubungan dan kerjasama yang baik antara pekerja2 dengan majikan, maka Negeri kita Brunei Darus Salam ini akan menjadi lebih aman dan ma'amor lagi".

Ketika menamatkan ucapan beliau di-majlis tersebut, Yang Mulia Pengiran Bahar berkata, "Saya berdo'a moga2 Kesatuan ini akan berjaya dalam memperjuangkan chita2 mereka yang halal demi untuk kepentingan nosa dan bangsa".

Kemudian Yang Mulia Pengiran Bahar pun merasmikan



Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim

pembukaan Mashuarat Agong kesatuan tersebut dengan berkata antara-nya, "Saya berharap bahawa segala2 yang Awang2 dan Dayang2 binchangkan hari ini akan memberi munafa'at kepada Kesatuan ini dan juga kepada Kerajaan Brunei selaku majikan Awang2 dan Dayang2 sekalian".

SHARAHAN UGAMA ISLAM

BANDAR BRUNEI. Anggota2 Badan Penerangan Ugama Islam, Brunei akan melawat ka-tempat2 yang di-bawah ini pada tarikh dan masa berikut untuk memberi sharahan berkenaan dengan Ugama Islam:

Hari Khamis 22 April: 8 malam ka-9 malam di-Masjid Muhammad Alam, Kuala Belait.

Hari Juma'at 23 April: 11 pagi ka-12.30 tengah hari di-Masjid Kampong Lumapas, Brunei.

Hari Juma'at 30 April: (a) 11 pagi ka-12.30 tengah hari di-Masjid Pengkalan Batu, Brunei dan (b) 2 petang ka4 petang di-Sekolah Melayu Piasau, Temburong.

PEGAWAI2 BAHARU KESATUAN PEKERJA2 J.P.K.B.

BANDAR BRUNEI.—Pegawai2 baharu Kesatuan Pekerja2 Jabatan Perubatan dan Kesihatan Brunei yang telah di-lantek dalam Mashuarat Agong kesatuan itu baharu2 ini ada-lah seperti berikut:

Yang Dipertua - Awang B. S. Andrews. Naib Yang Dipertua - Awang Weston Keasberry.

Setia Usaha - Awang Ivan Leong. Penolong Setia Usaha - Awang Adenon bin Dato Haji Ibrahim. Penyimpan Wang - Awang Chin Yun Sang.

Ahli2 Jawatan Kuasa: Awang Ismail bin Abdul Rahman, Awang Rashid bin Metussin, Awang Haji Md. Noor, Awang Chua Ah Seng, Awang Yong Hin Nam, Dayang Sister Chin, Dayang Helen Chong dan Dayang Alice Wong.

Melawat Ka-Makam Sultan Bolkiah

BANDAR BRUNEI. — Satu rombongan seramai 13 orang murid2 dari Sekolah Melayu Delima Satu, Berakas termasuk tiga orang perempuan telah melawat ka-Makam Sultan Bolkiah di-Kota Batu baharu2 ini.


Rombongan tersebut di-ketuai oleh Penolong Guru Besar sekolah tersebut, Che'gu Pengiran Suhaili.

Beliau memberi tahu tujuan lawatan serupa itu di-adakan ia-lah untuk meninjau atau melihat lebih dekat lagi kesan2 sejarah Negeri Brunei. Ini ada-lah besar faedah-nya, kata-nya.

Ketika berada di-makam tersebut Pengiran Suhaili, telah memberi penerangan sechara ringkas tentang kesan2 sejarah yang terdapat di-Makam Sultan Bolkiah kepada murid2 tersebut.

Selain dari itu beliau berchadang hendak membawa murid2 sekolah tersebut untuk melawat ka-beberapa tempat yang bersejarah pada masa akan datang.

PEMBUKAAN RASMI MAJLIS MASHUARAT MUKIM TUTONG



Pegawai Daerah Tutong, Awang Johari bin Abdul Razak telah merasmikan pembukaan Majlis Mashuarat Mukim Tutong di-Sekolah Melayu Muda Hashim, Tutong baharu2 ini. Gambar ini di-ambil sa-lepas di-adakan pembukaan rasmi Majlis Mashuarat Mukim Tutong.

KERAJAAN BRUNEI SENTIASA MEMENTINGKAN PERKEMBANGAN NEGARA DAN RA'AYAT

(Oleh: Awang Mohamed Salleh Kadir)

KERAJAAN yang mengamalkan dasar demokrasi adalah sentiasa mementingkan kesentosaan hidup dan rukun damai di-kalangan ra'ayat-nya. Kerajaan yang mengamalkan dasar demikian kerap kali kita dapati dengan gerakan pelbagai rancangan perkembangan negara-nya, yang bertujuan utama memperbaiki penghidupan ra'ayat.

Brunei, seperti yang kita semua ketahui adalah mengamalkan dasar demokrasi. Dasar tersebut kerap kali kita dengar baik melalui radio mahupun akhbar2 tempatan, di-suarkan oleh pembesar2 negeri.

Bertambah2 pula sejak Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dengan penoh keredhaan dan ketabahan telah turut menyuarakan dasar itu untuk meyakinkan kepada ra'ayat dalam negeri ini, apa-kah bentuk demokrasi yang menjadi amalan Brunei dewasa ini.

Atas dasar demokrasi untuk kebahagiaan ra'ayat dan untuk perkembangan negara, Baginda telah kerap kali mengumumkan sendiri sa-barang langkah Kerajaan untuk mengeratkan perpaduan ra'ayat dengan melalui rancangan2 perkembangan, baik bagi bandar2 dan mahu pun di-luar2 bandar atau di-daerah2 pedalaman.

Begitu juga hal-nya, mengenai pilihan2 raya yang telah di-adakan baharu2 ini, Baginda dan pembesar2 negeri telah memberi penerangan mengenai pilihan raya itu mustahak untuk Brunei. Penting-nya pilihan raya itu, tidak lain dan tidak bukan, semata2 untuk bersama2 kita nikmati dan rasai dasar demokrasi yang kita amalkan.

Seperti yang kerap kali saya sebutkan bahawa Kerajaan adalah sentiasa mementingkan pada perkembangan negeri dan ra'ayat.

Atas dasar demikian dan sesuai dengan pengalaman dasar demokrasi yang tulin di-negeri ini, Kerajaan dengan tidak mengenal jemu dan kechewa telah membuat rancangan2 perkembangan yang agak lebeh berkesan.


RANCANGAN PERKEMBANGAN DI-MUKIM LABI

Sabagai satu contoh, saya suka menyebutkan mengenai rancangan perkembangan yang telah di-lancarkan di-Daerah Belait. Kita tumpukan perhatian ka-Mukim Labi di-daerah itu.

Mukim Labi, bukan-lah satu mukim yang letak-nya dekat dengan Bandar Belait. Dari Belait untuk mendapatkan mukim itu dengan melalui sungai memakan masa kira2 empat jam. Tidak ada perhubungan jalan raya ka-sana, kechuali kita melalui Bukit Puan. Dari Bukit Puan ka-Labi di-hubungkan dengan sa-batang jalan raya yang jauh-nya kira2 10 batu.

Di-Mukim Labi ini, kita akan menyaksikan rancangan2 per-

kembangan yang telah di-lancarkan oleh Kerajaan. Penghidupan penduduk2 dalam mukim tersebut, yang ramai-nya lebeh kurang 1,000 orang adalah bergantung kepada sawah ladang



Pemandangan sa-buah Balai Raya yang telah siap di-bena oleh Kerajaan di-Negeri Brunei.

yang di-usahakan oleh mereka. Pada beberapa tahun yang silam, keadaan-nya adalah menyedehkan penduduk2 di-sana hidup dalam serba kesulitan dan hampir2 tiga suku penduduk-nya adalah hidup dalam kegelapan di-samping buta huruf.

Menyedari akan keadaan demikian, Kerajaan telah mengurak langkah dengan penoh kesedaran betapa perlu-nya mereka itu diperbaiki hidup-nya supaya tidak melarat ka-jurang yang di-sifatkan sabagai "hidup terumbang ambing dalam kesesakan nafas".

Mereka juga ada-lah ra'ayat dan perlu di-perbaiki hidup-nya sa-tanding dengan penduduk2 di-tempat2 yang lain dalam negeri ini.

Usaha2 Kerajaan untuk memulehkan penghidupan mereka itu kepada hidup yang lebeh berarti yang dapat kita saksikan pada

masa ini ia-lah dengan mendirikan klinik, sekolah2 dan Balai Raya.

KLINIK

Klinik yang di-dirikan di-Mukim itu boleh-lah di-katakan chukup dengan alat2 kelengkapan-nya, termasuk-lah pegawai2 yang mahir. Untuk lebeh menyenangkan kapada ibu2 yang mengandung di-mukim itu, Kerajaan juga telah menugaskan beberapa orang bidan yang terlatih.

Di-Klinik yang sedarhana besar-nya itu juga mempunyai satu bilek yang mempunyai dua buah katil. Di-bilek itu-lah di-tempatkan orang2 sakit sementara menunggukan untuk di-bawa ka-Kuala Belait atau ka-Brunei bagi rawatan selanjut-nya.

SEKOLAH

Di-Mukim Labi itu, dua buah sekolah telah di-dirikan untuk memberi pelajaran kapada kanak-kanak di-sana yang berjumlah

hampir2 sa-ramai 500 orang.

Sekolah2 itu telah di-dirikan, sa-buah di-Kampung Labi dan sa-buah lagi di-Kampung Rampayoh. Bukan hanya bangunan-nya agak moden, di-sekolah2 itu juga di-tempatkan beberapa orang guru lepasan Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Bukan hanya mata2 pelajaran yang di-ajarkan di-sekolah itu sa-tarap dengan yang di-ajar di-sekolah2 di-bandar2, tetapi chara2 penyampaian pelajaran2 itu pun di-sampaikan sa-chara moden dan lebeh berkesan diterima oleh murid2.

Sa-bagai bukti tentang kesan2 pelajaran yang di-sampaikan kapada murid2 tersebut, maka beberapa orang daripada mereka telah mendapat biasiswa Kerajaan untuk melanjutkan pelajaran baik pun di-sekolah2 menengah

dan mahu pun di-Maktab2 Bahasa Inggeris di-Bandar2.

BALAI RAYA

Sa-bagai lambang kata sa-pakat, hidup sa-bulan dan sa-ia sa-kata di-kalangan penduduk2 di-Mukim itu, maka terdiri-lah sa-buah Balai Raya yang agak moden dan berharga kira2 \$8,000.

Bangunan Balai Raya itu adalah di-dirikan oleh Kerajaan yang semata2 bertujuan untuk menyenangkan penduduk2 di-Mukim itu mengadakan pertemuan2 yang membuahkan kebaikan di-kalangan mereka.

Di-Balai Raya itu juga ada-lah untuk kesenangan mereka bagi mengadakan malam2 pertunjukan amal dan untuk menuntut ilmu dunia dan akhirat. Ada-lah menjadi harapan Kerajaan supaya Balai Raya itu akan di-gunakan dengan sa-luas2-nya oleh penduduk2 kampung bagi menuju ka-arrah kemajuan dalam berbagai2 segi.

Sa-lain dari itu, Balai Raya itu juga akan di-gunakan oleh pegawai2 Jabatan2 Kerajaan, seperti dari Jabatan Ukur, Jabatan Kasehatan dan Jabatan Penyiaran dan Penerangan untuk menunaikan tugas2 mereka bagi melancarkan rancangan2 perkembangan dan hiburan.

JALAN2 KECHIL

Untuk menghubungkan antara kampung2 di-Mukim itu, beberapa batang jalan2 kechil telah di-bena.

Beberapa orang pegawai2 dari Jabatan Kerja Raya telah di-tempatkan di-Mukim itu. Sa-buah chawangan kechil Jabatan itu telah di-dirikan bagi menyenangkan mereka mengendalikan tugas mereka.

Beberapa buah buldozar, kereta2 lipan dan lain2 jentera peruntuh, pembongkar dan penggali telah di-hantar ka-sana untuk melichinkan rancangan2 perkembangan di-sana.

Dengan ada-nya langkah2 Kerajaan seperti yang saya sebutkan tadi, Mukim Labi adalah merupakan sa-buah desa atau kampung yang terpenchil dari bandar yang kemajuannya agak pesat di-chapai.

Ada-lah menjadi hasrat kerajaan kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan untuk memajukan perkembangan bagi kampung2 yang lain yang agak terpenchil dari bandar. Maka itu, jelas-lah kapada kita, perkembangan2 serupa itu, bukan hanya di-Mukim Labi, tetapi juga terdapat di-Kampung2 dan Mukim2 yang lain di-seluruh negeri.

(Lihat Muka 5)

TITAH D.Y.M.M.

(Dari Muka 1)

Beta khas-nya ingin menyatakannya penghargaan beta terhadap kerja2 yang telah di-laksanakan oleh Surohanjaya Pilehanraya; dan bilangan besar pengundi2 yang telah keluar mengundi sungoh pun chuacha tidak begitu baik di-beberapa tempat ada-lah memberi 'alamat yang baik kapada kemajuan perlembagaan di-masa yang akan datang ini bagi Negeri Brunei.

Ada-lah nyata dari Kertas yang di-bentangkan di-hadapan Majlis ini dalam bulan Ogos yang sudah bahawa tujuan Kerajaan beta ialah membolehkan ra'ayat Brunei menikmati peluang2 bagi kebebasan menyatakan pendirian politik masing2 seperti di-negeri2 demokrasi yang lain. Oleh hal yang demikian ranchangan perlembagaan itu ada-lah di-maksudkan untuk mendampingi wakil2 yang di-pileh oleh ra'ayat beta lebeh rapat lagi dengan pentadbiran Kerajaan.

Dengan tujuan ini Kerajaan beta telah mengemukakan beberapa shor selanjut-nya dan shor2 tersebut ada-lah di-bentangkan di-hadapan Majlis dan Ahli2 Yang Berhormat akan di-beri peluang kemudian pada hari ini jua untuk membincangkan-nya.

Satu tanggung-jawab yang besar ada-lah terletak di-atas bahu Ahli2 Yang Berhormat dalam Majlis ini dan khas-nya di-atas bahu Ahli2 Yang Berhormat yang akan memegang jawatan dalam Majlis Mashuarat Menteri2. Sebagaimana yang beta nyatakan di-dalam ucapan beta kapada Majlis ini dalam tahun yang sudah ada-lah perlu dalam beberapa tahun yang akan datang ini mengambil keputusan yang penting dan berkesan mengenai keseluoh untong nasib Negeri Brunei pada masa hadapan di-segi politik, ekonomi dan social.

Berbagai2 shor yang berkehendakakan pertimbangan yang adil dan saksama dan kerja memperkembangkan chara2 demokrasi yang bebas bukan-lah satu kerja yang senang. Walau bagaimana pun dengan ada-nya keperchayaan beta terhadap

kerja-sama yang penoh dari ra'ayat beta, beta yakin yang Ahli2 Yang Berhormat akan menunaikan kewajipan masing2 dengan hasrat yang menjamin kebajikan dan laila sehat kema'amuran ra'ayat beta.

Kerajaan beta sangat2 mahami bahawa kemajuan politik bertunggalan tidak-lah dengan sendiri-nya memadai. Oleh hal yang demikian Kerajaan beta akan menitik beratkan lagi usaha2-nya yang telah di-berikan di-lapangan perkembangan laila berkemajuan.

Ada-lah menjadi suatu hasrat beta yang utama bahawa sunan2 politik yang baharu ini akan mendapat sokongan yang penoh dari ra'ayat beta sekalian dalam melaksanakan ranchangan2 kemajuan yang akan memberi kebajikan semua penduduk yang berada di-Negeri ini.

Pada ketika yang bersejarah dalam tawarikh Negeri Brunei ini beta mengakhiri ucapan beta dengan berdo'a samoga Tuhan Yang Maha Kuasa akan memberi taufik dan hidayah kapada Ahli2 Yang Berhormat sekalian supaya hasil perbincangan Majlis ini akan mendatangkan kemajuan dan kebajikan bagi faedah Negeri Brunei Darul-Salam."

Mashuarat Agong Persatuan Belia Sengkurong

SENGKURONG. — Persatuan Belia Sengkurong Brunei telah mengadakan Mashuarat Agong-nya bertempat di-Sekolah Melayu Sengkurong pada hari Ahad 11 Mach, 1965.

Pengelola Persatuan2 Belia Negeri Brunei, Awang Zulkiflie bin Haji Abdullah telah merasmikan pembukaan Mashuarat Agong, Persatuan Belia Sengkurong pada pagi hari tersebut.

Ucapan2 telah di-lafadzkan di-majlis tersebut oleh Yang Dipertua Majlis Pemuda Pemudi Negeri Brunei, Pengiran Haji Puteh bin Pengiran Haji Rajid; Yang Dipertua Persatuan Belia Sengkurong, Awang Md. Tanjong bin Haji Ismail dan oleh Awang Zulkiflie bin Haji Abdullah.

Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir Persatuan Belia Sengkurong,

D. Y. M. M. BERCHEMAR DULI KA-ISTIADAT PERBARISAN PANCHARAGAM PULIS DAN GURKHA

KUALA BELAIT — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berchemar Duli ka-Pekarangan Istana Kota Manggalela, Kuala Belait untuk menyaksikan Perbarisan Pancharagam Pulis Brunei dan Pancharagam Batalion Kedua Queen Elizabeth Own Gurkha Rifles yang ke-enam pada petang hari Sabtu 17 April, 1965.

Perbarisan Pancharagam tersebut telah di-adakan di-bawah arahan Pengarah Musik Pancharagam Pulis Brunei, Awang G. R. Crowhurst.

Semasa Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan tiba di-halaman Istana Kota Manggalela pada petang hari tersebut Pancharagam2 tersebut telah bermain Lagu Kebangsaan Negeri Brunei dan semua para hadhirin telah berdiri tegak.

Kemudian Pancharagam2 tersebut telah berbaris dengan chergas-nya sambil bermain musik. Pancharagam Pulis Brunei telah bermain lagu2 "Sempre Fidelis. Seventy Six Trombones, Sons of the Brave" dan lain2-nya, manakala Pancharagam Gurkha itu pula telah bermain 6 buah lagu. Pancharagam2 itu juga telah bermain bersama beberapa buah lagu.

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah menerima Tabek Diraja oleh Pancharagam2 tersebut pada masa di-adakan istiadat perbarisan itu.

PERKEMBANGAN NEGARA

(Dari Muka 4)

Ranchangan perkembangan serupa itu, dapat kita saksikan di-kampong2 pendalaman Daerah Belait seperti di-Mukim Bukit Sawat, Kampong Kuala Balai dan Kampong Sukang. Dan ketiga2 Kampong dan Mukim yang saya sebutkan itu, masing2 telah mempunyai bangunan2 Balai Raya dan sekolah.

Dan, ada-lah di-perchayai dalam sedikit masa lagi klinik2 akan di-dirikan dan pembinaan jalan2 kecil juga akan ditambah.

Ranchangan serupa bagi kampong2 pendalaman, akan di-jalankan juga di-Daerah2 yang lain seperti di-Temburong dan Tutong.

Saperti yang saya sebutkan mula2 tadi, bahawa negeri kita ada-lah mengamalkan dasar demokrasi seperti yang terdapat di-negeri2 demokratik yang lain, hanya kita baru berumur sa-tahun jagong.

Namun demikian, kita semua harus-lah merasa bangga, kerana dalam sedikit waktu sahaja, kita hampir menghadapi kejayaan yang kita harapkan ia-itu perkembangan negeri yang maslah berjalan dengan pesat-nya.

Walaupun pun negeri kita ini kecil dengan bilangan penduduk2-nya sedikit, jika di-bandingkan dengan negeri2 yang berjiran dengan kita, tetapi Kerajaan ada-lah penoh keperchayaan bahawa Negeri Brunei akan chepat meningkat naik dan berjaya dalam mewujudkan perkembangan2 negara untuk kerukunan dan kesentosaan ra'ayat seluroh-nya.


Dalam pada itu pula, untuk menchapai chita2 yang mulia itu, maka agak sukar-lah di-nikmati, kalau tidak dengan kerjasama dan berganding bahu antara ra'ayat dan Kerajaan.

Ketua Badan Sosial dan Kebajikan - Awang Tamin bin Israil. Ketua Badan Kesenian dan Kebudayaan - Awang Thani bin Haji Badar. Ketua Badan Pelajaran dan Penerangan - Awang Tuah bin Nordin. Ketua Badan Sokan dan Permainan - Awang Abdul Wahid bin Tungkat.

Ahli2 Jawatan Kuasa Tanpa Jawatan - Dayang Normah binte Haji Hitam dan Awang Muham-mad bin Abdul Kahar.

Majlis tersebut telah melantek Awang Ahmad Jalani bin Abdul Rahim sa-bagai Penaong, Persatuan Belia Sengkurong, Brunei. Berita kiriman - Awang Abdul Manaf bin Jambul.

Persatuan Belia Sengkurong telah mengadakan Mashuarat Agong-nya di-Sekolah Melayu Sengkurong pada 11 April, 1965. Gambar ramai ini di-ambil sa-lepas di-adakan pembukaan rasmi Mashuarat tersebut.



Sharikat Minyak Shell Membena Pelantar Penggalian Di-atas Ayer Berharga M\$20 Juta Untuk Kegunaan Di-Perayeran Borneo

SERIA. Sa-buah pelantar penggalian di-atas ayer yang berbentuk baharu sekali untuk Sharikat Minyak Shell sekarang sedang dalam pembenaan. Demikian menurut satu berita rasmi yang di-terbitkan oleh Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria.

Menurut berita tersebut, pelantar penggalian di-atas ayer itu di-bena dalam sabuah limbongan perkapalan Jepun. Belanja pelantar itu, dengan permishinan penggali akan berjumlah kira2 \$20,000,000 wang Malaya.

Pelantar itu terdiri dari tiga buah tonggak2 besi berlobang di-dalam, besar tegak, masing2 besar-nya 35 kaki (garis tengah2) dengan tangki kaki penapak 100 kaki panjang, 60 kaki lebar dan 25 kaki dalam.

Tonggak2 ini di-pautkan bersama oleh sa-buah bangunan bingkai sarupa chorong dan menyokong sa-buah pelantar penggalian yang segi tiga, 280 kaki panjang, di-atas tiap2 tepi-nya. Termasuk kapada derek penggalian, keseluruhan menara rig akan berdiri kira2 330 kaki tinggi.

Apabila siap kelak dengan mesin2 penggalian, kilang tenaga, kren, kilang ayer yang senang di-angkat2, tangki simpanan, pejabat, bilek2 tidor, dapur2 dan semua kemudahan2 kapada pulau kecil itu, ia-nya akan mempunyai berat kira2 8,000 tan.

Ia akan di-lengkapi dengan kemudahan2 mendarat helikopter dan akan mempunyai tempat tinggal untuk tujuh puluh lima orang.

Bentuk pelantar2 raksaksa ini di-utamakan agar sesuai untuk pekerjaan menchari minyak Shell dalam laut di-pantai Sarawak, Sabah dan Brunei.

Keseluruhan menara rig itu akan dapat menggali, berdiri di-atas dasar laut dalam kedalaman ayer hingga 135 kaki. Untuk berangkat dari satu tempat kasatu tempat yang lain, pelantar ini berada di-atas tiga buah tangki penapak dan (seluruh pulau kecil ini) dapat di-tunda oleh sa-buah kapal tunda berkekuatan 4,000 tenaga kuda.

Ketika hendak sampai di-tempat-nya, penapak itu dapat di-pasang di-atas dasar laut. Kalau tidak demikian, pada ayer yang lebeh dalam pelantar itu dapat di-labohkan pada kedalaman 80 kaki di-bawah permukaan ayer dan pekerjaan menggali dapat di-jalankan dalam tempat penapak.

Bingkai pelantar yang terbuka sangat kurang bergantung kapada keadaan gerakan gelombang bukan macham pelantar jenis kapal yang kebanyakan. Dan segala yang mustahak untuk Laut China Selatan sudah di-kaji dimana keadaan2 laut mungkin lebeh burok, terutama dalam musim gelombang.

Dua daripada pelantar2 penggali jenis baharu ini di-jangka akan bekerja di-Sarawak, Sabah dan Brunei, sekarang sedang dalam pembenaan di-Negeri Jepun dan yang di-jangka akan siap untuk di-tunda dari Negeri Jepun dalam bulan Mei, sebelum mulai musim ribut.

Menara rig yang moden akan di-pakai di-berbagai lingkungan, sama-ada yang berdekatan dengan darat, hingga kapada tempat yang terbuka jauh di-tengah laut.

Tempat2 penggalian di-pilih sesudah di-lakukan pengkajian mendalam, yang di-dapati dari penerangan kajibumi, dan penyelidikan seismik di-laut dan di-atas kawasan daratan yang berdekatan.

Kerja merintis di-daratan Sarawak telah mulai di-sediakan untuk kerja seismik yang baharu2 ini di-mulai, kapal2 dan perkakas yang telah di-kumpulkan di-Eropah akan berada di-Borneo untuk memulai pekerjaan seismik di-laut, segera sesudah keadaan musim chuacha burok sekarang berakhir.

Shell Sarawak berchadang menagluarkan hampir \$7,000,000 wang Malaya untuk penggalian dalam tahun 1965 dan bersama2 dengan Sharikat Shell di-negeri jiran di-Borneo, sajumlah \$6,000,000 wang Malaya bagi kegiatan2 penyelidikan seluruh-nya.

Pembukaan Rasmi Majlis Mashuarat Mukim Ukong

UKONG. — Pegawai Daerah Tutong, Awang Johari bin Abdul Razak telah merasmikan pembukaan Majlis Mashuarat Mukim Ukong pada hari Ahad 11 April, 1965.

Sa-belum merasmikan pembukaan Majlis Mashuarat Mukim Ukong, Awang Johari berkata bahawa tujuan Kerajaan menubuhkan Majlis Mashuarat Mukim di-seluruh negeri ini adalah untuk menyatukan perpaduan

ra'ayat yang terdiri dari berbilang bangsa di-negeri ini.

Awang Johari telah menyeru kapada ra'ayat sekalian supaya bekerjasama bahu membahu dengan Kerajaan untuk menunaikan hasrat Kerajaan kapada ra'ayat.


Penghulu Kampong Ukong, Awang Kuda bin Kambar, selaku Pengerusi Majlis Mashuarat Mukim Ukong, semasa memberi ucapan di-majlis tersebut, telah memberikan ikrar-nya untuk sentiasa bersedia membantu Kerajaan dalam segala apa juga lapisan untuk kebahagiaan ra'ayat dan mengekalkan keamanan di-negeri ini.

Pesta Tari Menari Derma Bakti

BANDAR BRUNEI. — Persatuan-Belia Bandar Brunei akan mengadakan satu Pesta Tari Menari Derma Bakti di-Dewan Kemasyarakatan, Bandar Brunei pada hari Sabtu 24 April, 1965 mulai pada pukul 8 malam.

Tujuan di-adakan Pesta Tari Tari Menari itu, kata Yang Di-Pertua Persatuan Belia Bandar Brunei, Awang Yahya bin Mohamed Yusof, ia-lah untuk mengutip derma bagi membantu projek2 yang akan di-laksanakan oleh persatuan tersebut.

Tiket2 masok berharga \$1.50 sa-keping ada-lah di-jual dari sekarang oleh semua Ahli2 Jawatan Kuasa Persatuan Belia Bandar Brunei. Tiket2 itu juga boleh di-beli di-Dewan Kemasyarakatan pada malam Pesta Tari Menari itu.



Satu pemandangan pelantar penggalian di-laut yang hampir selesai di-bena di-Negeri Jepun untuk Sharikat Minyak Shell. Pelantar penggalian itu akan di-gunakan di-Perayeran Borneo apabila selesai dibena — "Block" dengan ehsan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad.

PERLUMBAAN RENTAS DESA M.P.M.B.

BERAKAS. 200 orang penuntut2 lelaki dan 48 orang penuntut2 perempuan Maktab Perguruan Melayu Brunei telah mengambil bahagian dalam Perlumbaan Rentas Desa antara Rumah2 maktab tersebut pada pagi 15 April, 1965.

Penuntut2 lelaki telah berlari sa-jauh lima batu, manakala penuntut2 perempuan pula telah berlari sa-jauh kira2 $3\frac{1}{2}$ batu, ia itu mulai dari kawasan Maktab tersebut melalui kawasan yang berhampiran dan berakhir di-padang maktab itu.

Keputusan perlumbaan rentas desa tersebut ada-lah seperti berikut:

Bahagian Lelaki: Persaorangan - Pertama: Bongsu Haji Sabtu dari Rumah Nakhoda Manis. Masa-nya 29 minit, 33.1 sa'at. Kedua - Lamat Haji Abdul Rahman dari Rumah Bendahara Sakam dan Pemenang Ketiga - Hassan Yahya dari Rumah Awang Semaun.

Bahagian Lelaki: Pasokan - Pertama: Rumah Awang Semaun 73 mata. Kedua - Rumah Nakhoda Manis 71 mata dan Ketiga - Rumah Bendahara Sakam 70 mata.

Bahagian Perempuan: Persaorangan: Pertama - Saunah Tungkat dari Rumah Nakhoda Manis. Masa-nya 23 minit, 52.3 sa'at. Kedua - Rahillah binte Laggong dari Rumah Awang Semaun dan Ketiga - Norfiah Bolhassan dari Rumah Nakhoda Manis.

Bahagian Perempuan: Pasokan - Pertama - Rumah Nakhoda Manis 24 mata. Kedua - Rumah Awang Semaun 23 mata dan Ketiga - Rumah Bendahara Sakam 22 mata.

Sokan Sekolah2 Melayu Jalan Muara

BANDAR BRUNEI. — Satu temasha sokan Sekolah2 Melayu yang letak-nya di-Jalan Muara telah di-adakan di-Padang Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, pada 18 April, 1965.

Nadzir Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Dua, Awang Mohamed Yusof Tahir telah merasmikan pembukaan temasha sokan tersebut.

Perisai rebutan untuk pasokan lelaki yang mendapat mata yang tinggi sekali telah di-menangi oleh Sekolah Melayu Delima Satu, manakala perisai rebutan untuk pasokan perempuan yang mendapat mata yang tinggi sekali telah di-menangi oleh Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara.

Yang Mulia Pengiran Tajuddin bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim telah menyampaikan hadiah2 kepada pasokan2 yang berjaya di-temasha sokan tersebut.

Johan antara kedua2 bahagian: Rumah Awang Semaun 96 mata dan Naib Johan-nya Rumah Nakhoda Manis 95 mata.

Hadiah2 kepada pemenang2 dalam perlumbaan tersebut akan di-sampaikan di-temasha Sokan Tahunan Maktab Perguruan Melayu Brunei pada pertengahan bulan Jun akan datang.

Sokan Sekolah Melayu S.M.J.A.

BANDAR BRUNEI. — Rumah Nakhoda Manis telah mendapat gelaran sa-bagai Bintang Sokan Antara Rumah2 Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bahagian Lelaki di-temasha Sokan Sekolah Melayu S.M.J.A. yang telah di-adakan di-Padang Sekolah Melayu S.M.J.A. pada petang hari Khamis 15 April, 1965.

Gelaran Bintang Sokan Bahagian Perempuan Antara Rumah2 Sekolah Melayu S.M.J.A. pada tahun ini telah di-menangi oleh Rumah Awang Semaun.

Nadzir Sekolah2 Melayu, Bandar Brunei, Awang Shahbudin bin Saleh telah menerima Tabek Kehormatan oleh para peserta sokan tersebut sa-belum sokan itu di-mulai.

Hadiah2 kepada pemenang2 dalam pertandingan sokan itu telah di-sampaikan oleh Dayang Saripah binte Muhammad, ia-itu isteri Awang Shahbudin bin Saleh.

Lain2 keputusan pertandingan sokan tersebut ada-lah seperti berikut

Piala Khas untuk Rumah yang mendapat mata yang tertinggi sekali Bahagian2 Lelaki dan Perempuan di-menangi oleh Rumah Nakhoda Manis.

Bintang Sokan Bahagian Lelaki - Abu Bakar Tarif dari Rumah Bolkiah.

Bintang Sokan Bahagian Perempuan — Zainah binte Md. Noor dari Rumah Nakhoda Manis.

Perhiasan Pondok Rumah Yang Chantek Sekali di-temasha sokan tersebut - Rumah Awang Semaun.

Dayangku Mariam binte Pengiran Haji Metussin kelihatan dengan tersenyum menerima hadiah dari Awang Ong Kim Kee, Yang Dipertua Pertubuhan JAYCEE sa-Negeri Brunei setelah ia berjaya baharu2 ini merebutkan 2 gelaran Kejohanan dalam Pertandingan "Talentine" anjoran Pertubuhan JAYCEE, Bandar Brunei.

JAWATAN2 KOSONG di-Pejabat Pelajaran

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari chalon2 yang menjadi ra'ayat Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan Brunei bagi memenohi jawatan2 kosong di-Pejabat Pelajaran, Brunei.

1. MANDOR (1 jawatan kosong).

Kelayakan2: Pernah bertugas sebagai Tukang Kebun atau menjadi buroh tidak kurang dari 3 tahun dan mahir dalam chara2 mengawal buroh dan tugas2 buroh. Mesti-lah tahu menulis dan membaca dalam Bahasa Melayu.

Gaji: Dalam sukatan gaji F. 3-4-5-6 \$155-158-160-180x4-200 sa-bulan.

2. TUKANG KEBUN (16 jawatan kosong).

Kelayakan2: Mempunyai pengalaman dalam hal berchuchok tanam dan tahu menggunakan alat2 pemotong rumput dan sebagai-nya.

Gaji: Dalam sukatan gaji F. 1-2-3-4-5 \$143x3-158-160-180 sa-bulan.

3. PEMBERSEH (10 jawatan kosong).

Kelayakan: Berumur 40 tahun ka-bawah.

Gaji: Dalam sukatan gaji F. 2-3-4 \$152x3-158-160 sa-bulan.

4. PEMANDU TINGKAT II (7 jawatan kosong).

Kelayakan: Mempunyai lesen yang sesuai dan sekurang2-nya tahu membaiki kerosakan2 yang kecil.

Gaji: Dalam sukatan gaji F. 5-6 \$180x4-200 sa-bulan.

5. PEMANDU/JURU MESIN OUTBOARD (Motor Sangkut) (4 jawatan kosong).

Kelayakan2: Mahir dalam memandu Motor Sangkut, mahir dalam perjalanan sungai di-kawasan Brunei, Temburong dan Labu, dan sekurang2-nya tahu membaiki kerosakan2 yang kecil.

Gaji: Dalam sukatan gaji F. 2-3-4-5-6 \$152x3-158-160-180x4-200 sa-bulan.

6. KETUA PEMANDU MOTOR SANGKUT DAN JURU MESIN (1 jawatan kosong).

Kelayakan2: Mahir dalam urusan injin outboard dan bertugas sebagai Pemandu Motor Sangkut tidak kurang dari 5 tahun.

Gaji: Dalam sukatan gaji E. 2-3 \$211-220x10-260-280-290-300 sa-bulan.

7. PENJAGA

Kelayakan: Berumur ka-bawah dari 50 tahun dan sanggup bekerja malam.

Gaji: Dalam sukatan gaji F. 2-3-4 \$152x3-158-160 sa-bulan.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2

akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 3 Mei, 1965.

Tukang Kebun/Pemberseh

Permohonan2 ada-lah di-jemput dari chalon2 yang menjadi ra'ayat Sultan Brunei bagi jawatan2 sabagai Tukang Kebun/Pemberseh dalam Jabatan Pulis.

Gaji: Dalam sukatan F. 1 - 2 - 3 - 4 - 5 = \$143x3 - 158 - 160 - 180 sa-bulan.

Chuti dan tambang ada-lah mengikut sharat2 Kerajaan yang ada sekarang.

Permohonan2 yang mesti di-isi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 5 Mei, 1965.



Awangku Haji Mohamed, Pengerusi Pertandingan "Talentine" anjoran Pertubuhan JAYCEE, Bandar Brunei kelihatan dalam gambar ini memberi ucapan di-majlis pertandingan tersebut di-Dewan Kemasyarakatan baharu2 ini.



53 ORANG PENDUDOK2 DAERAH BELAIT MENDAPAT KURNIAAN PINGAT PERJUANGAN

SERIA. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin telah berchemar Duli ka-Dewan Shell Recreation Club, Seria pada petang hari Sabtu 17 April, 1965 untuk mengurniakan Pingat2 Perjuangan Brunei kepada pendudok2 di-Daerah Belait yang telah menunjukkan jasa dan perkhidmatan mereka yang gilang gemilang kepada negeri ini pada masa berlaku penderhakaan dalam bulan Disember tahun 1962.

Seramai 53 orang telah di-kurniakan dengan Pingat Perjuangan Brunei oleh Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan di-majlis tersebut. Delapan orang telah mendapat Pingat Perjuangan Brunei Darjah Pertama dan 45 orang telah mendapat Pingat Perjuangan Darjah Kedua.

Di-antara yang mendapat kurniaan Pingat Perjuangan Brunei Darjah Pertama ia-lah Pegawai Daerah Belait, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail dan Penolong Pegawai Daerah Belait,

Pengiran Othman bin Pengiran anak Mohamed Salleh.

Sa-belum mengurniakan Pingat2 Perjuangan Brunei kepada orang2 yang berkenaan di-majlis tersebut Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan telah melafadzkan satu titah ucapan yang amat di-hargai. Turut memberi ucapan di-majlis tersebut ia-lah Timbalan Pengarah Urusan Sharikat Minyak Shell Brunei Berhad, Seria Awang R. Wheeler.

Persidangan E.C.A.F.E. Di-New Zealand Berjaya

BANDAR BRUNEI. — Perwakilan Brunei yang menghadiri Persidangan Surohanjaya Perekonomian bagi Asia dan Timor Jauh (E.C.A.F.E.) di-Wellington, New Zealand dalam bulan Mach tahun ini telah mengambil bahagian yang penting dalam persidangan itu dan telah dapat berjaya merentangkan masalah2 serta kemajuan2 perkembangan kita dan juga memahami akan masalah2 negeri2 lain, demi kepentingan bersama. Demikian kata sa-orang Juruchakap rombongan perwakilan Negeri Brunei yang menghadiri persidangan tersebut

Persidangan Surohanjaya Perekonomian bagi Asia dan Timor Jauh telah di-adakan di-Wellington, New Zealand mulai pada 16 Mach hingga ka-29 Mach dengan memperolehi kejayaan dalam berbagai2 bidang perekonomian.

Wakil2 dari Negeri Brunei yang menghadiri Persidangan tersebut ialah Awang Othman Chua Kwang Soon, Pengawal Kastam dan Bea Negeri Brunei (Ketua perwakilan), Awang Abdul Aziz bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar, sa-orang Pegawai Jabatan Setia Usaha Kerajaan Brunei (Timbalan Ketua

INSPEKTOR AWANGKU OMAR DI-LANTEK MENJADI A.S.P.



A.S.P. Awangku Omar

Inspektor Awangku Omar bin Pengiran Haji Apang dari Pasokan Pulis Brunei telah di-lantek menjadi Penolong Penguasa Pulis ("Assistant Superintendent of Police") mulai pada awal bulan April 1965.

Beliau telah di-lahirkan di-Kampung Kianggeh, Bandar Brunei 25 tahun dahulu dan telah mendapat pendidikan dalam hal ehwal pelajaran di-Sekolah Misi Saint Georges,

Bandar Brunei serta di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei. Awangku Omar mulai berkhidmat dengan Pasokan Pulis Brunei sa-bagai sa-orang rekrut dalam tahun 1957.

Awangku Omar di-lantek menjadi Kopral pada akhir tahun 1959. Pada awal tahun 1960 beliau di-lantek menjadi Sarjan dan pada akhir tahun 1961 beliau telah di-lantek menjadi Inspektor.

Awangku Omar telah berlateh di-Kuching, Sarawak selama 9 bulan dalam tahun 1958.

Beliau telah mendapat gelaran sa-bagai "Rekrut yang terbaik sakali" dari Brunei pada masa di-adakan upacara tamat latehan rekrut2 Pulis tersebut.

Pada bulan April 1960, Awangku Omar telah di-hantarkan ka-Kuala Lumpur sa-bagai sa-orang Pelateh kepada rekrut2 Pulis dari Brunei yang berlateh di-sana.

Beliau telah kembali ka-Brunei pada pertengahan tahun 1961 dan pada akhir tahun 1961 beliau telah di-tukar ka-Pasokan Pulis Simpanan Menchehah Rusohan.

Beliau di-tukar ka-Chawangan Khas dalam bulan Mach 1963 dan pada masa ini berkhidmat di-Chawangan Khas.

Sementara itu, menurut penerangan sa-orang Juruchakap Pulis Brunei, A.S.P. Awangku Omar telah di-pilih untuk berlateh di-United Kingdom. Beliau akan berangkat ka-sana tidak berapa lama lagi.

Perwakilan dan juga Setia Usaha Perwakilan) dan Doktor J. S. Gould, Penasehat Ekonomi Pertubohan Bangsa2 Bersatu kepada Kerajaan Brunei yang telah menghadiri Persidangan tersebut selaku Penasehat kepada Rombongan Perwakilan dari Negeri Brunei.

Berita lanjut mengenai Persidangan ECAFE tersebut akan di-siarkan dalam keluaran akan datang.—Pengerang.

Pembukaan Rasmi Majlis Mashuarat Negeri

(Dari Muka 4)

Usul yang pertama berbunyi, "Bahawa Majlis ini menetapkan dan meluluskan suatu Usul menyambahkan ucapan terima kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia di-atas Titah Uchapan Baginda yang Majlis ini menjunjung dengan sa-penoh2-nya".

Satu lagi usul yang telah di-luluskan dalam persidangan berbunyi, "Bahawa Majlis ini menyambut baik chadangan2 Kerajaan sebagaimana yang di-bentangkan di-dalam Kertas Bilangan 1, tahun 1965 dan dengan sa-penoh-nya menyokong pelaksanaan Rancangan Kerajaan sabagaimana yang di-ishtiharkan tahun sudah sebagai suatu peringkat yang perlu dalam perkembangan Perlembagaan bagi Negeri Brunei ini".



Wakil2 Kerajaan Brunei yang menghadiri Persidangan ECAFE di-New Zealand dalam bulan Mach yang lalu kelihatan dalam gambar ini di-persidangan tersebut. Dari kiri: Awang Abdul Aziz bin Pehin Udana Khatib Awang Haji Umar, Awang Othman Chua Kwang Soon dan Doktor J. S. Gould.



Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Ali bin Awang Besar telah merasmikan Pembukaan Majlis Mashuarat Daerah Brunei di-Dewan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin pada pagi hari Sabtu 10 April, 1965. Gambar ramai ini di-ambil sa-lepas di-adakan upacara tersebut.